

THE UNPUBLISHED LETTERS OF MUHAMMAD ASAD. Oleh : Muhammad Asad & Pola Hamida Asad. 2024. Islamic Book Trust & Islamic Renaissance Front: Kuala Lumpur. Halaman 252. ISBN 978-967-26388-4-1.

Ulasan buku ini menyorot koleksi surat-surat Muhammad Asad (2 Julai 1900-23 Februari 1992) yang tidak diterbitkan yang dikirimkan antara tahun 1930-1990 kepada kenalan dan rakan-rakannya di India, Pakistan dan Eropah. Muhammad Asad alias Leopold Weiss dikenal sebagai intelektual Muslim yang penting pada abad ke-20. Surat-surat ini menyediakan pengenalan kepada khazanah pemikiran dan pandangan-pandangannya yang kurang didedahkan dalam kapasiti peribadinya. Salinan warkah yang terpecah dalam berbagai arkib ini menambah nuansa kepada legasinya. Ia bersifat peribadi, mentah, ringkas dan sangat berwawasan, yang diperoleh daripada arkib dan koleksi peribadi, terutamanya di Pakistan, Eropah dan Malaysia. Temuan kajian mendapati warkah-warkah ini berasal dari kajian kedoktoran Muhammad Arshad yang menghimpunkan surat-surat peribadi Muhammad Asad yang tidak diterbitkan. Hasil penelitiannya ini pertama kali disiarkan dalam *Journal of Islamic Sciences*, yang dikeluarkan oleh Centre for Islam and Science pada 2016-2017. Surat-surat ini kebanyakannya berasal dan diperoleh daripada keluarga terdekat Asad dan waris mereka di India dan Pakistan. Dalam korespondennya, ia menampakkan upaya Asad bergelut dengan cabaran untuk memaknai teks suci dan harapan yang dipertaruhkannya kepada generasi muda Islam. Iusteru artikel ini cuba memperhalusi latar belakang sejarah dan tema-tema yang diungkapkan dalam surat-suratnya yang menyiratkan visi moral dan komentarnya tentang suasana geopolitik, teologi, falsafah, etika dan hukum serta semangatnya yang perenial yang menyediakan idea, konsep, dan kompas moral dan spiritual bagi umat Islam pada zaman moden.

PENGENALAN

Ulasan ini menyorot intisari dari surat-menyurat Muhammad Asad (2 Julai 1900-20 Februari 1992) yang ditujukan kepada beberapa orang penama dan individu dalam tempoh antara 1930-1990. Perutusan yang terkumpul ini menyingkapkan hal-hal peribadinya yang langka, dan jarang bertemu dalam sejarah, yang terlakar dalam korespondennya sepanjang pelayarannya di benua India, Pakistan dan Eropah.

Ia menelusuri kandungan dalam naskhah dan lembaran nota yang mengisi warkahnya, yang mendokumentasikan suasana politik yang beragam yang merentas kawasan dan geografi – yang mencatatkan pengalamannya di pelbagai benua Asia, Amerika dan Eropah. Surat-surat ini dikumpulkan oleh Dr Muhammad Arshad, Profesor Urdu di Universiti Punjab, Kampus Allama Iqbal, Lahore yang berasal dari tesis kedoktorannya yang mengkaji pemikiran politik Muhammad Asad daripada sejumlah surat-surat peribadinya yang tidak diterbitkan, disertai dengan anotasi lengkap. Ia menitikberatkan perhatian dan peninjauan Asad tentang suasana Perang Dunia Kedua dan era zaman pascakolonial. Antara lainnya mengisahkan liku-liku getir dari episod penahanannya di kem tahanan Ahmadnagar dan hubungan politik yang gawat di bawah pentadbiran British India.

Surat-surat ini memberikan wawasan tentang kehidupan intelektual dan peribadinya, hubungan keluarga dan rakan-rakan, tempoh kehidupannya di Pakistan, dan period yang kacau setelah berundur dari Perkhidmatan Luar Pakistan (Oktober 1952). Ia turut memperincikan kisah pernikahannya dengan Pola Hamida Asad (w. 2007) di New York (1 November 1952) dan dakwaan salah yang dilemparkan ke atasnya yang dikatakan telah murtad, berpaling tadah dan bersekongkol dengan kuasa Barat. Surat-surat ini turut menyorot dukungan yang diterimanya daripada aktivis *ahl-hadith* dan salafis di Pakistan seperti Abu'l-Ala Mawdudi dari Jama'at

Islami dan Dr Abdul Wahhab Azzam; selain maklumat tentang projek penterjemahan al-Qur'annya, yang dibiayai oleh Liga Islam Sedunia (*Rabitah al-'Alam al-Islamiy*) dan wakilnya di Eropah (Islamic Centre Geneva).

Kompilasi lengkap dari surat-surat telah diterbitkan oleh Dr. Muhammad Arshad dalam *Journal of Islamic Sciences* (2016, 2017) yang memuatkan koresponden antara Muhammad Asad dan Pola Hamida Asad dengan antara lainnya, Muhammad Husain Babri (1895-1986), Anwar Ahmad, Muhammad Sadiq Quraishi (1917-1996) (editor jurnal bulanan *Jadeed Zara'āt*), Nasim Hasan (wakil peguambelanya di Pakistan), Altaf Hussain, Zahid Hussain (mantan gabenor Bank Negara Pakistan), Chaudhry Niaz Ali Khan (28 Jun, 1880-24 Februari 4, 1976) (jurutera merangkap pengasas Dar al-Islam Movement dan Dar al-Islam Trust), Malik Muhammad Ashraf (1915-1981) (rakan baik Dr. Muhammad Iqbal, polymath dan penyair Islam yang terkenal), Mumtaz Hasan (setiausaha kewangan, Kerajaan Pakistan), Ms. Marcella Berger (wakil penerbit Simon & Schuster, New York), Ghulam Rasul Mehr (editor *Inqilab*), Maqbool Hussain Baburi, Mr. Saleem (ahli perniagaan yang berpangkalan di Model Town, Lahore) (Muhammad Arshad, 2016: 162) dan lain-lain. Tentang Muhammad Husain Babri ini Asad menulis: “yang terbaik – dan tentu saja yang paling setia – dari semua rakan yang pernah saya ada: sentiasa bersedia untuk berkongsi kerisauan seseorang dan membantu untuk mengatasinya dalam apa jua cara yang dia sanggup. Kami kekal bersahabat selama lebih lima puluh tahun, sepanjang pasang surut kehidupan saya dan perubahan habitat merentas tiga benua, sehingga kematiannya pada 1985 dalam usia melebihi lapan puluh tahun” (Muhammad Asad, 2012).

Menurut Muzaffar Iqbal dalam pengenalannya kepada artikel Muhammad Arshad tentang kehidupan Asad dalam surat-surat (Bahagian 1), Asad tidak menyebut bagaimana dan di mana ia pertama kali menemui Babri, tetapi berdasarkan nota peribadi dari keluarga Muhammad Husain Babri, mereka telah bertemu di pejabat penerbit Asad di Lahore, Shaykh Muhammad Ashraf yang terkenal. Babri juga hadir dalam perjumpaan Asad dengan Muhammad Iqbal (Muhammad Arshad, 2017).

Surat-surat ini ditulis dan dikirimkan dari alamat penyampaian Asad di pelbagai negara di Tangier, Maghribi, Sepanyol, Amerika, Switzerland dan lain-lain. Penyusunan temanya seperti dibawakan dalam artikel lengkap Muhammad Arshad, terdiri daripada empat siri bersambung sebagai berikut: (a) Muhammad Asad: Dua Puluh-Enam Warkah Tidak Diterbit (Summer 2016) (b) Muhammad Asad dan Pola Hamida Asad: Dua Puluh-Dua Warkah Tidak Diterbit (Winter 2016) (c) Kehidupannya dalam Surat-Surat. Bahagian I: Enam Puluh-Lapan Warkah Tidak Diterbit oleh Muhammad Asad dan Pola Hamida Asad kepada Muhammad Husain Babri (1937-1963) (Summer 2017) (d) Bahagian II: Dua Puluh-Tiga Warkah Tidak Diterbit oleh Muhammad Asad dan Pola Hamida Asad kepada Muhammad Husain Babri (1964-1985) (Winter, 2017).

Surat kepada Muhammad Husain Babri ini dihimpunkan antara 25 Jun 1937 dan 11 November 1985 yang mengandungi lapan puluh satu warkah yang ditulis selama lebih lima puluh enam tahun. Ini melibatkan hal-hal sederhana bernuansa persahabatan yang terjalin dengan Babri – ikatan yang terus berkekalan dengan warisnya – yang mengimbuai masa-masa gelap dan sulit di India, perkenalan dengan keluarga dan ulang-alik kerjaya teknikal dan perniagaannya, mendeskripsikan tiket perjalanan pergi-balik Babri ke Eropah sebagai tetamu Asad, rakan kongsinya dalam perusahaan garam dan penerbit buku-bukunya di Pakistan, serta horizon intelektual dan hubungan diplomatik yang melatarinya di bawah cengkaman British Raj.

Dalam surat yang diutuskan kepada Muhammad Husain Babri bertarikh 22 Februari 1953 Asad menyatakan: “Saya sangat terharu menerima surat saudara bertanggal 3 Februari. Sepanjang tempoh ini saya ingin menulis kepada anda, kerana persahabatan anda sentiasa kekal perkara yang penting kepada saya: tetapi setiap kali sesuatu mencelah antaranya, dan saya terpaksa menunda surat saya. Sebagaimana anda telah mendengar dari Ahmad (Ahmad Heinrich Schiemann - anak tiri Asad), terdapat perubahan yang sangat besar pengaruhnya dalam hidup saya. Dari segi kewangan pada masa ini tentunya tidaklah sebaik seperti alam kerjaya dahulu. Bagaimanapun juga, saya gembira setidak-tidaknya kerana dua alasan: perkahwinan baru saya telah memberikan saya rakan yang lebih baik daripada yang pernah saya impikan, dan kembalinya saya kepada penulisan telah menghapuskan kekecewaan itu yang telah saya tanggung bertahun-tahun, sebagaimana anda sedia maklum. Saya kini sedang dalam menyelesaikan karya autobiografi saya, yang akan selesai sebelum akhir tahun (dan akan diterbitkan, saya jangka, pada awal musim bunga 1954), dan telahpun siap merancang buku saya yang berikutnya. Isteri saya sangat membantu di mana sejujurnya dapat saya katakan yang saya tidak akan sanggup memperoleh semula tujuan dan makna dari kehidupan saya yang telah lama saya rindukan selama ini” (Muhammad Arshad, 2017, no. 1, 5).

Surat-surat ini kebanyakannya menceritakan detik-detik Sejarah penting yang dilaluinya ketika zaman perang, nuansa politik yang mencabar pada era kolonial, ditahan oleh pentadbiran Inggeris, dihanyutkan oleh gelombang revolusi yang merobek sempadan India-Pakistan; peranannya yang amat penting dalam penyusunan semula badan perlembagaan dan jumur musyawarah Pakistan; krisis perkahwinannya di New York dengan isterinya yang keempat Pola Hamida Asad dengan pihak kedutaan Pakistan; perceraianya dengan Munira Asad (w. 1978) dan keretakan yang cuba diperbaiki oleh Talal Asad; pengundurannya sebagai Pengarah, International Islamic Colloquium yang dirancang oleh Universiti Punjab, Lahore pada 1956 (Muhammad Arshad, 2016: 165), penglibatannya dengan madrasah dan institusi pengajian moden seperti Dar al-‘ulūm untuk melatih kaum fuqaha dan teolog dan pembentukan institusi pendidikan yang memperjuangkan kebebasan; pengenalan skema Islamisasinya untuk negara Pakistan yang baru dibentuk; dan latar penterjemahan kitab hadith al-Bukhari dan pengeluaran sebanyak lima penggal daripada karya Bahasa Inggeris beserta komentarnya oleh pusat penerbitan di Kashmir.

Bahagian kedua dari surat-surat yang dikirimkan Asad dan Pola Hamida memberikan pandangan baru tentang kehidupan dan kegiatan intelektual Asad dalam jangka masa yang panjang antara 1946-1992. Surat pertama, menurut Muhammad Arshad (2017) ditulis sebaik beliau dibebaskan setelah enam tahun ditahan semasa Perang Dunia Kedua, menerangkan rancangan masa depannya dan memperincikan kehidupan keluarganya yang kurang diketahui. Surat terakhir yang ditulis oleh Pola Hamida, tidak lama selepas pemergian Asad pada tahun 1992, merupakan respons spontan terhadap 'permintaan yang sangat tidak wajar'. Beliau mencatatkan: 'Apapun, saya ialah rakan karibnya selama hampir empat puluh tahun dan kehilangan ini amat dirasai; terlalu menyakitkan bagi saya untuk berkongsi perincian ini atas permintaan wartawan yang ingin tahu—walaupun jika anda benar-benar seorang kenalan lama' (Muhammad Arshad 2016, 186).

Dalam mendepani dinamika sosio-politik yang rencam, Muhammad Asad menzahirkan rakaman sejarah mengenai tokoh-tokoh yang mewarnai percaturan politik serta pergerakan intelektual-budaya pada zamannya. Beliau memberikan penghargaan khusus kepada tenaga kerja teknikal yang terlibat dalam pengurusan tipografi, pembuatan plat, dan penyediaan paten bagi penerbitan terjemahan Sahih al-Bukhari. Antara individu yang diberikan pengiktirafan

termasuklah Muhammad Husain Babri (m. 1985) selaku mekanik mesin taip, Abdul Haqq sebagai komposer, serta Hafizji yang berperanan sebagai mekanik dan wartawan di Arafat Press, Lahore (1937–1938).

Selain itu, Asad turut menzahirkan kecenderungan intelektualnya terhadap manhaj pemikiran mazhab Zahiri, khususnya doktrin yang dikembangkan oleh Ibn Hazm al-Andalusi (m. 456H/1064M) menerusi karya monumental al-Muhalla. Keterpautan beliau terhadap metodologi ini jelas terpapar dalam korespondensi bersama Ghulam Rasul Mehr, editor akhbar Inqilab, di mana Asad memetik nas-nas fiqah daripada al-Muhalla dan menjulang Ibn Hazm sebagai al-Imam al-A‘zam (Muhammad Asad & Pola Hamida Asad, 2024).

Walau bagaimanapun, naratif kehidupan Asad tidak terlepas daripada cabaran luaran. Beliau meluahkan kekesalan terhadap prasangka serta penyebaran maklumat palsu dalam media Pakistan, terutamanya kempen negatif yang dilancarkan oleh mingguan Inggeris, Star (Lahore) pada 4 April 1953 (Muhammad Arshad, 2016). Tekanan ini memuncak semasa penyingkiran beliau daripada Perkhidmatan Luar Pakistan, yang disifatkan oleh Asad sebagai satu 'pengalaman yang luar biasa pahit' akibat persepsi negatif masyarakat yang terbentuk daripada naratif tidak sahih tersebut (Muhammad Arshad, 2016).

Ketidaktentuan horizon yang tercetus akibat pengundurannya dari kementerian luar Pakistan bertanggungjawab meledakkan khobar-khabar angin yang tidak tentu usul tentang kesnya, sebagaimana didedahkan dalam surat-suratnya kepada Muhammad Husain Babri dan Altaf Hussain. Dalam suratnya kepada Muhammad Husain Babri, beliau meminta bantuannya untuk menghantar salinan berita daripada warta akhbar yang menyiarkan berita yang berniat jahat tersebut: “Pembobongan yang jelek ini mencemarkan nama baik saya dan saya ingin menjawabnya dalam akhbar, jika dibolehkan. Tetapi untuk melakukannya, saya harus melihat apa sebenarnya yang telah ditulis tentang saya dan siapa orangnya yang bertanggungjawab atas fitnah ini. Sehubungan itu, Asad menyatakan kesediaan beliau untuk menuntut keadilan dengan memohon agar segala bahan rujukan berkaitan daripada akhbar Pakistan dikumpulkan dan dihantar kepada beliau dengan kadar segera. Beliau turut menegaskan bahawa setiap keratan akhbar berbahasa Urdu mestilah disertakan dengan terjemahan yang lengkap. Sekiranya perlu, beliau berhasrat untuk melantik penasihat undang-undang di Lahore atau Karachi bagi memulakan prosiding saman fitnah terhadap pihak akhbar yang bertanggungjawab. Keutamaan beliau adalah untuk memperoleh bukti dokumentasi tersebut bagi mengenal pasti punca dan dalang di sebalik penyebaran maklumat palsu berkenaan (Muhammad Arshad, 2016).

Manakala dalam warkah yang dikirimkan kepada Altaf Hussain beliau menjelaskan kedudukan dan pendiriannya terhadap desas-desus yang sinis ini: “Beberapa hari yang lalu, saya dimaklumkan oleh kawan-kawan bahawa khobar angin tentang saya telah dengan sengaja disebarkan di Pakistan. Baik dari mulut ke mulut mahupun akhbar, dengan niat yang jelas untuk memburukkan reputasi saya. Saya tidak arif secara terperinci apa yang diperkatakan tentang saya, tetapi garis besar dari serangan itu tampaknya adalah (1) saya telah menukar sikap saya dalam hal-hal Islamik dari yang apa yang terjadi sejak seperempat abad yang lalu (2) saya disangka bersimpati dengan gerakan politik pada mana seluruh dunia Muslim, dan terutamanya Timur Tengah, menentang secara dasarnya (3) saya diperkirakan telah memutuskan untuk bermastautin secara tetap di Amerika dan meninggalkan tanah air yang saya pilih, Pakistan” (Muhammad Arshad, 2016). Dalam hal ini beliau menafikan sekeras-kerasnya fitnah tersebut dan mengikrarkan kesetiannya pada Pakistan dan dunia Islam: “Akta Rahsia Rasmi malangnya tidak membenarkan saya untuk menggambarkan dengan terperinci aktiviti dan usaha saya dalam memperjuangkan Islam dan kesatuan Muslim, ketika saya menjadi Ketua Bahagian

Timur Tengah di Kementerian Luar. Saya hanya boleh nyatakan bahawa jika pemerintah merasakannya perlu untuk mendedahkan rekod yang berkaitan, banyak memorandum yang saya tulis tentang masalah-masalah utama dari dasar-dasar Pakistan di Timur Tengah, laporan tentang lawatan rasmi saya di Timur Tengah pada 1951 dan lawatan yang lain pada 1952 (yang dibuat bersama Menteri Luar Pakistan), dan juga cadangan yang saya serahkan dalam konteks lawatan ini kepada Pemerintah kita, akan mendukung pendapat saya bahawa apa jua pengaruh yang saya punyai sentiasa diarahkan untuk memperkuat ikatan perpaduan antara pelbagai bahagian dunia Muslim dan untuk memerangi semua tren yang mungkin bertentangan dengan kepentingan seluruh dunia Islam terutamanya kaum Muslim Timur Tengah” (Muhammad Arshad, 2016, no. 2, 180)

SOROTAN LITERATUR

Tidak banyak yang diketahui tentang surat-surat persendirian yang ditulis oleh Muhammad Asad (1900-1992) sepanjang tempoh antara 1930-1992. Namun penemuan arkeologis dari arkib sejarah memaparkan sebaliknya. Kesan-kesan historik yang diidentifikasi dari naskah-naskah tertulis ini menunjukkan wujudnya koresponden dan hubungan surat-menyurat yang meluas yang diutuskannya ke pelbagai tempat dan benua. Warkah-warkah usang yang terpencah ini sebahagiannya masih tersimpan dalam pemeliharaan orang-perseorangan dan khazanah peribadi di Eropah, India, Beirut, Pakistan, Tangier, Amerika, Sepanyol, Switzerland, Penang, Sarawak dan koleksi milik Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas, ISTAC (Mahathir Mohamad, 2025). Dalam penampilan khasnya sempena peluncuran buku *the Unpublished Letters of Muhammad Asad*, yang diterbitkan oleh Islamic Book Trust dan Islamic Renaissance Front, Tun Dr. Mahathir Mohamad (2025) menyifatkan surat-surat ini sebagai bahagian penting dari teka-teki Asad – suatu perbendaharaan yang sering dilupakan - yang menawarkan wawasan yang kurang diterokai, namun berharga ke dalam diri Muhammad Asad dalam kapasiti peribadinya. Ia bersifat “peribadi, langka, mentah, dan berupaya meramal dan berfirasat” (Mahathir Mohamad, 2025). Ia tidak hanya memuatkan komentarnya tentang geopolitik atau teologi, tetapi juga falsafah pembaharuan, integriti dan perjuangan berterusan dari fikiran yang beriman.

Beliau turut menghimbau cerita-cerita Asad yang menarik yang ditilik daripada surat-suratnya, yang mengungkapkan legasinya sebagai pemikir dan penterjemah, dan pengaruh intelektualnya di dunia Islam. Beliau terkesan dengan cabarannya terhadap naratif yang meluas tentang kemunduran dunia Muslim dan menganjurkan kebangkitan yang menekankan keterlibatan-semula yang kritis terhadap al-Quran dan mengutamakan warisan kenabian (SAW) berbanding budaya taklid. Ketika Asad berkunjung ke Malaysia, hanya beberapa orang yang berpeluang berinteraksi dengannya termasuklah Fadlullah Wilmot yang menemuinya dalam pencariannya terhadap Islam dan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman bin Ya‘akub (1928-2015), mantan Ketua Menteri Sarawak yang bermurah hati menjadi *benefactor* Asad di Sarawak dan bertanggungjawab menaja ziarah dan menyediakan penginapannya pada tahun-tahun akhir kehidupannya. Tentang pemberian ini, Asad menulis dalam suratnya kepada Nasim Hasan, peguamcaranya di Pakistan: “sementara itu, sebuah rumah telah dibeli di Portugal untuk saya dan isteri oleh rakan Malaysia yang sangat baik hati dan pemurah, dan saya tidak boleh pada peringkat ini menolak pemberian seumpamanya dari Tuhan melaluinya” (Muhammad Arshad, 2016, no. 2, 177).

Dalam suratnya yang baru-baru ini ditemui dalam koleksi peribadi di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, Asad menzahirkan kekagumannya terhadap komitmen orang Melayu pada Islam dan keaslian budaya, penghargaannya pada adab dan cara hidup masyarakat Melayu-Islam dan adat

ketimurannya (oriental) yang telah lama bertapak di Malaysia seperti tercatat dalam warkahnya pada 1983, di mana Asad menulis: “dari semua negeri-negeri Islam yang pernah saya singgah atau dengar, orang-orang Melayu mungkin masih dapat menunjukkan kepada dunia bagaimana Islam terlihat manakala berakar dalam kerendahan diri dan keharmonian, ketimbang daripada kehebohan dan kuasa” (Mahathir Mohamad, 2025). Dalam hal ini pada hemat Tun Dr. Mahathir sementara Asad tidak pernah menetap lama di Malaysia, legasi intelektualnya berpengaruh kepada bangsa ini secara mendalam. Pengaruhnya di Malaysia dapat dikesan melalui korespondennya dengan sarjana-sarjana di Asia Tenggara.

Menurut Hasan Zillur Rahim (1995), editor majalah kuartal IQRA, yang dikeluarkan setiap suku tahunan di San Jose, California, beliau antara yang berpeluang berutus surat dengan Muhammad Asad, sekitar dekad 80-an, “Penulis beruntung mendapat peluang berutus surat dengan Muhammad Asad. Pada tahun 1986, saya membaca *The Road to Mecca* dan begitu tergugah dan terpujuk oleh naratif pengarang di mana saya nekad entah bagaimana untuk menghubunginya. (Satu-satunya buku lain yang mempunyai impak yang sama kepada diriku, sekalipun dari perspektif yang berlainan, adalah *Autobiography of Malcolm X*.) Tak lama kemudian saya mendapat kesempatan menemuramah Asad dalam majalah yang dipanggil *Arabia*, yang diterbitkan di England. Saya menulis surat kepada editor *Arabia* untuk memanjangkannya kepada Asad. Tak tersangka dan tercengang, Asad kemudian membalas dari Sepanyol. “Saya sangat tersentuh dengan surat anda,” dia menulis, “yang dipanjangkan kepada saya oleh Dr. Fathi Osman. Terima kasih kerana penghargaan anda atas karya saya; bagi orang-orang seperti anda-lah saya menulisnya.” Dalam surat itu saya telah zahirkan harapan supaya beliau melanjutkan kisah penghidupannya dari mana beliau tinggalkan dalam *The Road to Mecca*. “saya telah berjanji kepada isteri saya, yang telah mendesak sekian lama,” beliau menjawab, “bahawa saya harus meneruskan dan merampungkan memoir saya. Kerja saya yang seterusnya adalah persis itu dan tentunya akan, semestinya, termasuk tahun-tahun di mana saya berada di India dan Pakistan...Doakan semoga Tuhan mengizinkan saya untuk menyelesaikan karya ini.” Koresponden kami berlanjutan untuk seketika sehingga Asad menjadi terlalu tenat untuk menjawab sebarang surat.

Setelah Asad wafat di Sepanyol pada tahun 1992, saya menulis kepada Pola Hamida Asad. Beliau memaklumkan kepada saya bahawa sambungan penulisan kepada *The Road to Mecca* hanya separuh sahaja sempat dilengkapkan oleh Asad – bahagian satu – dan beliau sendiri akan melengkapkan bahagian kedua. Ia akan diberi judul *Homecoming of the Heart (Kepulangan Hati ke Asalnya)*, “tajuk yang Asad sendiri cadangkan.” (Buku tersebut masih belum terdapat di Amerika Syarikat.) (Hasan Zillur Rahim, 1995).

Menurut Mushtak Parker (2016) yang sempat berutus surat dengan Asad semasa belianya: “sebagai anak muda, saya berbalas surat dengan Asad yang seperti seorang mentor. Dalam temuramahnya yang terakhir dengan saya sebelum pemergiannya, dia tidak dapat menyembunyikan kekecewaannya yang meningkat dengan kepimpinan di beberapa buah negara Muslim, termasuk Ayatollah Khomeini di Iran. Pemergian beliau telah menyebabkan naskhah susulan *The Road to Mecca*, yang hanya sempat disiapkan separuh jalan, tidak dapat diterbitkan.

PERBINCANGAN

Penelitian ini dirangka berasaskan kaedah deskriptif-kualitatif dengan pendekatan historis, kritis, analitik, tematik, hermeneutik dan empirik, yang disorot dari sudut genealogis dan epistemologisnya. Data didapatkan daripada bahan pustaka bersifat primer dan sekunder yang terkumpul daripada sumber arkib, manuskrip, tesis, buku, artikel, teks persendirian dan digital

selain material lain dari penulisan Asad yang terdiri daripada kitab tafsir, hadis, sejarah, dan pemikiran serta catatan biografi dan memoirnya di merata tempat.

Surat-surat yang dinukilkan oleh Muhammad Asad (1900–1992) ini menjadi latar belakang kehidupannya selama lebih separuh abad, yang berakar umbi daripada pengalaman beliau di pelbagai wilayah merangkumi India, Pakistan, Amerika Syarikat, dan Eropah. Menurut Muzaffar Iqbal (2016, 24): 'Tahun-tahun penglibatan Asad di subbenua India boleh dibahagikan secara sistematik kepada tiga fasa utama: pertama, 1932–1939, iaitu bermula daripada ketibaan beliau di Karachi sehingga September 1939 apabila beliau ditahan di kem tawanan kerana dianggap sebagai warga negara musuh oleh pihak British; kedua, 1945–1947, iaitu daripada pembebasan beliau pada 14 Ogos 1945 sehingga peristiwa Pembahagian (Partisi); dan ketiga, 1947–1952, iaitu fasa kehidupan beliau sebagai warga Pakistan, bermula di Lahore dan Karachi, kemudiannya di New York sebagai Menteri Berkuasa Penuh, sehinggalah beliau meletakkan jawatan daripada Perkhidmatan Luar Pakistan. Sepanjang tempoh tersebut, Asad menerbitkan buku pertamanya dalam bahasa Inggeris, *Islam at the Crossroads* (1934); lima fragmen terjemahan Inggeris Sahih al-Bukhari berserta nota penjelasan; menyunting enam edisi jurnal *Islamic Culture* (Hyderabad, Deccan, Januari 1937–Oktober 1938); serta menerbitkan sepuluh isu *Arafat: A Monthly Critique of Muslim Thought* (1946–1947). Selain itu, beliau turut menyampaikan pelbagai syarahan radio, berkhidmat sebagai Pengarah di Jabatan Rekonstruksi Islam (Punjab Barat), dan kemudiannya sebagai Timbalan Setiausaha yang bertanggungjawab bagi Bahagian Timur Tengah di Kementerian Hal Ehwal Luar (Karachi)' (Muzaffar Iqbal, 2016, 24).

Naratif yang termuat dalam warkahnya ini menyingkapkan aspek penting dan menarik tentang konteks dan lingkungan yang melatari kehidupannya di India, Pakistan, Amerika dan Eropah dalam kesempatan berutus-surat dengan rakan-rakan, waris dan koleganya yang terdekat dan jauh dari India, Pakistan dan Penang (Asad, 2024: iv). Ia “menerobos melangkaui dimensi persuratan dan intelektualnya, menyingkapkan potret yang lebih intim dan akrab tentang lelaki itu sendiri – memberikan gambaran yang mentah dan tidak ditapis tentang keriangannya dan kehampaannya, kejengkelan dan kesakitannya, saat putus asa dan kelipan harapannya.” (A.F. Musa, 2025: 1105)

Di India Asad berhubung dengan Muhammad Iqbal (1876-1938), bapa spiritual tentang idea pemisahan Pakistan. Iqbal memujuk Asad agar membatalkan rancangannya untuk menjelajah ke Timur Turkestan, China, dan Indonesia, demi membantu menggariskan serta menghuraikan premis intelektual bagi masa depan negara Islam (Asad, 1954: 1). Asad ditahan di India pada akhir Perang Dunia Kedua. Ketika Pakistan dibentuk pada tahun 1947, Asad dilantik sebagai wakil menteri bagi Hal Ehwal Timur Dekat dan menjadi perwakilan tetapnya ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1952. Di lokasi inilah beliau bertemu dengan isterinya, Pola Hamida (m. 2007), seorang wanita kelahiran Boston yang dikahwininya pada tahun yang sama. Di sini juga, Asad mula menghasilkan karya agungnya, *The Road to Mecca* (1954), yang memperincikan fasa awal kehidupannya, termasuk peristiwa pengislaman beliau pada tahun 1926 serta 'kepulangan hati ke asalnya (homecoming of the heart), sebagaimana yang mula saya fahami pada hari-hari yang telah berlalu pada penghujung musim panas tahun 1932.' Menurut Muhammad Arshad (2016, 162), pascapenerbitan *The Road to Mecca* pada tahun 1954, Asad berpindah ke Beirut untuk melakukan persiapan bagi penulisan naskhah susulan berjudul *The Road to Pakistan*, namun karya tersebut tidak pernah diterbitkan.

"Selepas menetap selama dua tahun di New York, Asad dan isterinya melakukan pengembaraan secara ekstensif sebelum kembali ke Pakistan pada tahun 1955. Namun, kecenderungan mereka yang sering berpindah-randah mendorong pasangan tersebut meneruskan perjalanan, bermula ke Tangier, Maghribi (1964–1983), kemudian ke Portugal, dan akhirnya menetap di Sepanyol (Hasan Zillur Rahim, 1995).

Dalam prakata bagi kompilasi surat-surat tersebut, Muhammad Arshad menganalisis tema-tema diskursif yang mengetengahkan latar belakang Muhammad Asad serta jaringan intelektual beliau yang luas. Menurut Arshad (2016): 'Muhammad Asad memiliki jaringan kenalan yang meluas—bermula daripada tokoh besar seperti Muhammad Iqbal (1877–1938), sehinggalah kepada Muhammad Hussain Baburi (m. 1984), iaitu juruteknik mesin taip yang berkhidmat di syarikat penerbitan beliau. Antara tokoh ternama dalam rangkaian kenalan beliau termasuklah Chaudhri Niyaz Ali Khan (1880–1976) dan Mir Wa'iz Muhammad Yusuf (1892–1968), seorang tokoh agama dan politik Kashmir merangkap pengasas Anjuman-i Nusrat al-Islam. Selain itu, senarai ini turut merangkumi Mawlana Abdul Qadir Qasuri (1863–1942) serta adiknya, Maulavi Abdullah Qasuri (1875–1949); Sayyid Sulayman Nadwi (1884–1953) yang merupakan Pengarah Dar al-Musannifeen (Azamgarh, India); Sayyid Abu'l-A'la Mawdudi (1903–1979); Mawlana Sayyid Dawud Ghaznvi (1895–1963); serta Muhammad Ismail Ghazanvi (1895–1964).

Rangkaian tersebut turut melibatkan tokoh akademik dan pentadbir seperti Mawlana Ahmad Ali Lahori (m. 1962); Dr. Zakir Hussain (1897–1969), Naib Canselor Jamia Millia Delhi (1928–1948); Dr. Omer Hayat Malik (1892–1982), Pengetua Islamia College (Peshawar dan Lahore) yang kemudiannya menjawat jawatan Naib Canselor Universiti Punjab (1947–1950); Mumtaz Hasan (1907–1974), Setiausaha Kewangan Kerajaan Pakistan (1952–1958) serta adiknya, Nasim Hasan (1911–1995). Selain itu, terdapat nama-nama besar dalam sektor awam dan perundangan seperti Zahid Hussain (1893–1957), Gabenor Bank Negara Pakistan merangkap Pengerusi pengasas Suruhanjaya Perancangan Pakistan; Chaudhri Nazir Ahmad Khan (m. 1980), Peguam Negara Pakistan (1959–1961); Muhammad Sadiq Qureshi (wartawan di Lahore); serta A.D. Azhar, penjawat awam di India British dan Pakistan.

Saya telah mengumpulkan lebih daripada 170 warkah oleh Asad dari pelbagai individu. Saya terhutang budi kepada keturunan Mawlana Ghulam Mehr, Chaudhri Nazir Ahmad Khan, Malik Muhammad Ashraf, dan Muhammad Sadiq Qureshi kerana menyediakan warkah-warkah ini kepada saya. Penulis sangat terhutang budi kepada almarhum Maqbool Hussain Baburi (w. 2005), putera Muhammad Hussain Baburi, kerana menyediakan fail yang mengandungi lebih daripada 130 warkah-warkah asal Asad. Kebanyakan surat-surat ini dialamatkan kepada Muhammad Hussain (oleh Asad dan Pola Hamida), tetapi terdapat juga berpuluh salinan surat yang ditujukan kepada orang lain. Surat-surat ini adalah sumber yang signifikan untuk memahami kehidupan, kerjaya, dan kecenderungan intelektual dan politik Asad. Mereka juga menjelaskan tentang sejarah intelektual, budaya, sosial dan politik dalam tempoh tersebut." (Muhammad Arshad, 2016, no. 1, 25).

Dari segi penerimanya pula beliau menyebutkan dalam pembahasan "Seputar Surat-Surat ini dan Para Penerimaannya": "Tiada percubaan dibuat untuk merubah teks surat. Asad mengiriskan surat yang bertaip dan bertulis tangan. Bahasa dan frasa yang digunakan oleh Asad sepanjang tempoh yang berlanjutan lima puluh tahun (1935-1986) ketika mana surat-surat ini ditulis, menyediakan petunjuk yang penting dari pertumbuhan intelektual dan peribadinya. Sehingga kedatangannya ke anak benua India pada 1932, Asad tidak banyak menulis dalam bahasa Inggeris. Artikel-artikelnya untuk suratkhbar German dan Swiss ditulis dalam bahasa German.

Beliau telah mempelajari perbualan Arab sewaktu perjalanan keduanya ke negeri-negeri Islam (1924-1926), dan tampaknya telah cepat belajar membaca teks-teks ilmiah ketika berada di tanah Arab. Beliau tidak memberikan butiran tentang guru-gurunya, sebaliknya menyebut secara samar yang beliau mempelajari *Sahih Bukhari* di Madinah. (*Sahih Bukhari*, Lahore: Arafat Publications, 1938, jilid 1, bahagian 1, hlm. 8).

"Koleksi surat-surat ini memperlihatkan keupayaan adaptasi Muhammad Asad yang pantas dalam menguasai laras bahasa Inggeris yang digunakan dalam konteks sosiobudaya di subbenua India pada ketika itu. Penggunaan catatan trengkas (shorthand), peristilahan khusus yang lazim dalam komuniti tempatan (seperti Begum Sahiba), serta format surat-menyurat—termasuk konvensyen penulisan alamat dan kaedah sapaan—menunjukkan asimilasi budaya yang signifikan oleh beliau. Selain itu, sebahagian daripada surat-surat rasmi yang dimuatkan dalam kompilasi ini turut disusun mengikut konvensyen pentadbiran kolonial British yang lazim pada era tersebut (Muhammad Arshad, 2016, 26).

"Koleksi surat-surat Muhammad Asad ini menyingkapkan falsafah serta nilai sejarah klasik yang mencerminkan dinamika kehidupan beliau. Catatan tersebut merakamkan pemerhatian kritis serta ikhtisar mengenai lanskap politik, perkembangan intelektual, dan implikasi idea-idea pembaharuan progresif yang relevan dengan tradisi Islam moden. Selain mendokumentasikan rentetan peristiwa penting dalam kehidupan beliau, kompilasi ini turut menyoroti naratif sejarah serta impak budaya dan tamadun yang signifikan, yang selama ini jarang didedahkan kepada khalayak umum.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, kompilasi surat-surat oleh Muhammad Arshad ini menyuratkan galur sejarah mengenai siri pengembaraan Muhammad Asad serta korespondensi beliau bersama kenalan di Pakistan, khususnya Muhammad Husain Babri. Garis masa ini merangkumi fasa pertama (5 Jun 1937–7 Oktober 1963) dan fasa kedua (15 Disember 1964–11 November 1985). Naskhah ini dihasilkan dalam tempoh masa yang bergelora, yang memaparkan respons beliau terhadap khabar angin serta kritikan mengenai pegangan dan prinsip peribadi, terutamanya sewaktu bertugas di New York. Penulisan ini memberikan naratif penting mengenai komitmen jitu beliau terhadap Islam serta penglibatan aktif dalam pelbagai jaringan intelektual bagi mendepani isu identiti, agama, dan politik. Warkah ini bukan sahaja membentangkan pengalaman kritis dalam ruang peribadi beliau, malah memperlihatkan bagaimana transmisi dokumen tersebut merentas pelbagai wilayah di tiga buah benua. Memandangkan naskhah asal surat-surat ini masih terpelihara dalam simpanan peribadi dan arkib perpustakaan, ia merupakan khazanah biografi yang sangat bernilai bagi penyelidikan masa hadapan. Meskipun mencakupi pelbagai subjek yang luas, sebahagian besar kandungan surat ini bersifat peribadi yang memuatkan intisari pengalaman, refleksi masa lampau, serta kekayaan imaginasi sejarah beliau.

BIBLIOGRAFI

- Arshad, Muhammad. (2016). "Muhammad Asad: Twenty-Six Unpublished Letters." *Islamic Sciences*, Vol. 14 (Iss. 1, Summer), 25-66.
- Arshad, Muhammad. (2016). "Muhammad Asad and Pola Hamida Asad: twenty-two unpublished letters." *Islamic Sciences*, vol. 14 (no. 2, Winter), 158-186.
- Arshad, Muhammad. (2016). "Muhammad Asad: Twenty-Six Unpublished Letters." *Islamic Sciences*, Vol. 14 (Iss. 1, Summer), 25-66.

- Arshad, Muhammad. (2016). "Muhammad Asad and Pola Hamida Asad: twenty-two unpublished letters." *Islamic Sciences*, vol. 14 (no. 2, Winter), 158-186.
- Arshad, Muhammad, (2017). "A Life in Letters: Muhammad Asad and Pola Hamida Asad to Muhammad Husain Babri. Part I: Sixty-Eight Letters (1937-1963)." *Islamic Sciences*, Vol. 15 (Iss. 1, Summer), 3-71.
- Arshad, Muhammad. (2017). "A Life in Letters: Muhammad Asad and Pola Hamida Asad to Muhammad Husain Babri. Part II: Twenty-Three Letters (1964-1985)." *Islamic Sciences*, Vol. 15 (Iss. 2, Winter), 116-141.
- Asad, Muhammad. *Sahih al-Bukhari: Translated from the Arabic with Explanatory Notes and Index (volume I – part I)*. Srinagar, Kashmir: The Arafat Publications, 1935, Lahore 1938.
- Asad, Muhammad. (1934). *Islam at the Crossroads*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.
- Asad, Muhammad. (1954). *The Road to Mecca*. New York: Simon & Schuster.
- Asad, Muhammad, Pola Hamida Asad. (2024) *The Unpublished Letters of Muhammad Asad*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust & Islamic Renaissance Front.
- Hasan Zillur, Rahim. (1995). Muhammad Asad: Visionary Islamic Scholar. *Washington Report on Middle East Affairs*, September (Posted on December 16, 2009), *Issues in Islam*, 45–46. <http://www.washingtonreport.me/1995-september/issues-in-islam-muhammad-asad-visionary-islamic-scholar.html>
- Mahathir, Mohamad. (2025). "Speech at the Book Launch Event – *The Unpublished Letters of Muhammad Asad*." 16 August, HARTA Space, Ampang Kuala Lumpur.
- Muhammad Asad, Pola Hamida Asad. (2012). *Home-Coming of the Heart*. M. Ikram Chaghatai (Ed.). Lahore: The Truth Society.
- Muhammad Asad, Pola Hamida Asad. (2022). *Home-Coming of the Heart (1932-1992): Part II of the Road to Mecca*. M. Ikram Chaghatai (Ed.). Lahore: Pakistan Writers Cooperative Society.
- Musa, Ahmad Farouk. (2025). [Book Review] Asad, Muhammad & Asad, Pola-Hamida (2024). *The Unpublished Letters of Muhammad Asad*. *Intellectual Discourse*, 33 (3): 1105-1109 <https://doi.org/10.31436/id.v33i3.2482>
- M. Ikram Chaghatai, ed. (2006). *Europe's Gift to Islam: Muhammad Asad (Leopold Weiss) Volume II*. Lahore: Sang-e-Meel Publications.
- Mushtak Parker. (2016). "Let us now praise great Muslims." *New Straits Times*, July 22, 2016, retrieved from <https://www.nst.com.my/news/2016/07/159919/let-us-now-praise-great-muslims>
- Muzaffar Iqbal. (2016). "The Making of a Free Thinker in Islam (Part I) Muhammad Asad: The Pakistan Years." *Islamic Sciences*, Vol. 14 (Iss. 1, Summer), 3-24.
- Pipip Ahmad Rifai Hasan. (1998). *The Political Thought of Muhammad Asad* (Master of Arts Thesis). Concordia University, Montreal, Quebec, Canada.
- Robert, Payne. (1954). "In Arabia Was His Answer"; The Road to Mecca by Muhammad Asad. *The New York Times*, Aug. 15.

Ahmad Nabil bin Amir

Mantan Associate Research Fellow,
International Institute of Islamic Thought and Civilization,
Kuala Lumpur.